



23 JUL, 2023

RAMPAS 232KG DADAH RM17 JUTA

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

RAMPAS 232KG DADAH RM17 JUTA

Sindiket isytihar kepada kastam sebagai aksesori kereta

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Nilai

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 232.05 kilogram (kg) dadah 3,4 - Methylenedioxy-methamphetamine (MDMA) bernilai RM17 juta pada 18 Julai lalu, yang mana bahan terabit boleh digunakan untuk menghasilkan 1.5 tan pil ekstasi.

Rampasan dilakukan di Kompleks Kargo Udara, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selangor itu adalah yang terbesar setakat ini membabitkan MDMA.

Untuk rekod, MDMA adalah bahan utama yang digunakan untuk menghasilkan ekstasi.

Selain MDMA, turut dirampas ialah ketamin seberat 20.55kg bernilai RM1.2 juta.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zazuli Johan berkata, sindiket mengisytiharkan dadah itu sebagai aksesori kereta selain menggunakan dokumen palsu bagi mengelak dikesan.

"Cawangan Narkotik, Ibu Pejabat JKDM berjaya menumpaskan sindiket pengedaran dadah antarabangsa membabitkan MDMA dan



ZAZULI menunjukkan dadah jenis MDMA, ketamin dan cakera brek kereta yang dirampas di Kompleks Kargo Udara KLIA, Sepang, pada sidang media JKDM Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Kampung Jijian, Nilai. - Gambar NSTP/AHMAD HASBI.

ketamin.

"Kami menyita 18 kotak di Kompleks Kargo Udara KLIA, jam 6 petang untuk pemeriksaan pada hari kejadian," katanya pada sidang media di Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Kampung Jijian di sini, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan menemukan 12 kotak mengandungi bungkusan plastik berisi MDMA.

Satu kotak lagi mengandungi ketamin.

"Pemeriksaan ke atas baki lima kotak pula menemukan cakera brek kereta.

"Taktik sindiket ialah dengan mengikrarkan barang dagangan sebagai aksesori kereta," katanya.

Menurut beliau, siasatan awal juga mendapati, dadah itu datang dari sebuah negara Eropah dan mendarat di KLIA sebagai destinasi terakhir.

"Sindiket menggunakan maklumat palsu dalam dokumen pengimportan dan ia menyukarkan tangkapan dibuat ke atas pengimport.

"Bagaimanapun, siasatan masih berjalan untuk mengesan suspek. Kes disiasat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.



23 JUL, 2023

RAMPAS 232KG DADAH RM17 JUTA

Metro Ahad, Malaysia



SUMMARIES

Sindiket isytihar kepada kastam sebagai aksesori kereta

Ni l a i Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 232.05 kilogram (kg) dadah 3,4 - Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) bernilai RM17 juta pada 18 Julai lalu, yang mana bahan terbabit boleh digunakan untuk menghasilkan 1.5 tan pil ekstasi.Rampasan dilakukan di Kompleks Kargo Udara, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selangor itu adalah yang terbesar setakat ini membabitkan MDMA.